



02 JAN, 2025

Hanya libatkan golongan maha kaya

Sinar Harian, Malaysia



Hanya libatkan golongan maha kaya

SEBAIK sahaja mengetahui bahawa syarikat tersebut (TNB) mencadangkan kenaikan tarif elektrik bermula Julai, saya akui agak terkejut kerana ia bakal memberi kesan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, setelah pengumuman cadangan tersebut dibuat dan pelbagai maklum balas diterima daripada rakyat, akhirnya pihak TNB memberi penjelasan terperinci mengenai kenaikan itu.

Ini (kenaikan tarif) yang saya nak tahu mengapa mereka mahu menaikkan tarif elektrik. Jika tidak diberi penjelasan, kami (rakyat) sudah pasti akan marah.

Penerangan daripada pihak TNB



berkenaan sebanyak 85 peratus tidak akan terjejas dengan perubahan tarif itu, akhirnya memberi sedikit kelegaan kepada kami.

Saya berpandangan bahawa kenaikan tersebut hanya dikenakan kepada golongan maha kaya dan ini yang saya setuju.

Pada masa sama, saya yakin bahawa isu kenaikan tarif elektrik ini dapat diselesaikan dengan baik antara kerajaan dan pihak berkenaan.

Ini tidak boleh dibiarkan, kenaikan tarif elektrik perlu diputuskan dengan segera bagi memastikan kepercayaan rakyat kepada kerajaan itu dapat dipelihara.

**Pekerja kilang, Amir Izzuandi, 37*